

Pendidikan teknikal, vokasional perlu masuk arus perdana

TEVT lahir pekerja mahir, graduan berpengetahuan tinggi

PENDIDIKAN teknikal dan latihan vokasional (TEVT) di negara ini masih dianggap program kelas kedua atau program untuk pelajar yang gagal dalam sistem persekolahan atau peperiksaan.

Tanggapan yang salah itu mungkin berpunca daripada sistem pendidikan yang menyalurkan pelajar Tingkatan Tiga yang lemah dalam akademik ke sekolah menengah vokasional (SMV) ketika di Tingkatan Empat atau pelajar yang gagal ke aliran sains tulen dimasukkan ke sekolah menengah teknik.

Sebenarnya sistem peperiksaan yang hanya mengukur kemampuan pelajar dalam akademik (bahasa, Sains dan Matematik) tidak adil kepada pelajar yang semanginya kurang berminat dalam bidang akademik tetapi itu tidak bermakna mereka kurang pandai.

Pelajar ini mungkin cemerlang dalam sukan, seni atau muzik, kemahiran dan teknologi tetapi sistem pentaksiran atau peperiksaan yang terlalu menjurus kepada akademik secara tidak langsung menjadikan kumpulan ini termasuk dalam kategori tidak pandai.

Menyadari sebahagian besar pelajar dalam persekolahan terabai kerana sistem sedia ada memberi kelebihan kepada pelajar yang cemerlang dalam akademik, Kementerian Pelajaran bercadang menaik taraf SMV kepada kolej vokasional (KV).

Aliran vokasional juga akan diperkenalkan untuk pelajar Tingkatan Empat di sekolah menengah harian (selain aliran sains tulen dan sains sosial) untuk membuka lebih banyak peluang melanjutkan pelajaran atau latihan dalam bidang vokasional, selain peluang pekerjaan yang terbuka luas dengan kelayakan kemahiran yang sudah diperolehi.

Langkah mentransformasi TEVT masuk menaik taraf SMV ini akan men-

Laporan khas



jadikan bidang berkenaan sebagai pilihan utama di kalangan pelajar sekolah dan lulusan sistem persekolahan yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Laluan untuk pelajar vokasional disusun supaya selepas mereka menamatkan persekolahan atau latihan di KV, mereka boleh terus menyertai pasaran kerja atau layak memohon latihan lanjut di institusi kemahiran tinggi seperti kolej kemahiran tinggi MARA, pusat latihan teknologi tinggi (ADTEC), pusat latihan pengajar dan kemahiran lanjutan (CIAST) atau politeknik.

Graduan ini kemudian boleh meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda ke institusi bertaraf universiti seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), iaitu institusi arus perdana seperti amalan di negara maju.

Presiden UniKL, Prof Datuk Dr Abdul Hakim Juri, berkata TEVT perlu memasuki arus perdana kerana TEVT bukan saja melahirkan pekerja mahir tetapi juga mampu melahirkan graduan dengan kemahiran sosial, pembelajaran, pengurusan, keusahawanan seperti sistem pendidikan lain.

Katanya, TEVT dalam era k-ekonomi banyak berubah selari dengan keperluan era itu yang dibantu kecanggihan teknologi kerana TEVT adalah gabungan pendidikan dan juga latihan, bukan hanya latihan.

Beliau berkata, haluan pelajar TEVT kini terbuka luas kerana mereka bukan saja boleh meneruskan pengajian ke pe-

ringkat diploma dan ijazah sarjana muda, bahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Matlamat pendidikan dan latihan di institusi ini ialah apabila graduan TEVT memasuki pasaran, mereka boleh memainkan peranan dengan baik.

"Orang ramai masih beranggapan TEVT hanya mengajar kemahiran saja tetapi hal ini tidak boleh berlaku lagi sekarang.

"Contohnya untuk mendidik seseorang menggunakan mesin, sekarang semua mesin berteknologi tinggi. Walaupun hanya membabitkan menekan butang, mereka mesti berpengetahuan tinggi," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.


Abdul Hakim yang pernah bertugas sebagai Pengarah German-Malaysian Institute (GMI) berkata, di Jerman TEVT menjadi teras sistem pendidikan negara itu kerana lulusan sekolah rendah perlu melalui sistem pendidikan menengah aliran teknikal dan vokasional terlebih dulu sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Katanya, di Jerman ada institusi pendidikan tinggi yang dinamakan fachhochschule (FH), iaitu universiti terapan atau aplikasi dan universiti teknikal (TU) yang bersifat akademik dan saintifik.

Beliau berkata, kedua-dua FH dan TU ini menawarkan program dalam bidang teknologi dan kejuruteraan tetapi dengan pendekatan berbeza kerana FH lebih kepada pendidikan secara praktikal atau hands-on manakala TU bertumpu kepada saintifik.

Seperti FH di Jerman, Perancis mempunyai IUT (Instituts universitaires de technologie) atau universiti institut teknologi yang juga sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi negara berkenaan.

"Program kejuruteraan tradisional



MOHD Najmi Mohd Abd Hadi dan Sharina Mohd Pandi dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) menunjukkan cara perisian yang direka untuk kecemasan yang dihubungkan menggunakan telefon bimbit.

universiti negara ini mengikuti acuan UK, iaitu berfokus kepada pendidikan secara saintifik manakala empat universiti yang dikelaskan sebagai Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) akan mengikut acuan FH di Jerman atau IUT Perancis.

"Empat MTUN ini ialah Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn," katanya.

Sementara itu, pensyarah UniKL-Malaysia France Institute, Prof Madya Dr Mazliham Mohd Su'ud, berkata negara maju seperti Perancis memang memberi penekanan kepada TEVT kerana gra-

duan bidang berkenaan memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau yang juga Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawantekno dan Inovasi UniKL, berkata di negara seperti Kanada dan Australia, sebahagian besar pelajarannya juga berada dalam bidang TEVT kerana graduannya menerima bayaran yang setara dengan graduan bidang akademik atau saintifik.

"Sepatutnya, untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, negara kita perlu mengeluarkan graduan TEVT dengan jumlah yang mencukupi kerana sumbangan mereka memberi kesan yang utama dalam ekonomi.

"Kajian menunjukkan sektor perkhidmatan sekarang memberi sumbangan sehingga lapan peratus dalam pertumbuhan ekonomi terutama perkhidmatan pelanggan, perniagaan dan telekomunikasi.

"Semua bidang ini memerlukan kemahiran tetapi mengikut data Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) hanya kira-kira 40 peratus tenaga kerja mempunyai kemahiran," katanya yang mengikut pengajian peringkat sarjana muda dan sarjana di Universiti Montpellier II dan doktor falsafah di Universiti La Rochelle, Perancis.

Mazliham yang menganggotai makmal Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) berkata, dianggarkan kira-kira

100,000 lulusan Sijil Pelajaran Malaysia setiap tahun terus memasuki pasaran kerja kerana mereka enggan mengikuti latihan di institusi seperti kolej komuniti, ILP, IKM, Pusat Giat MARA, institut kemahiran belia, kolej pertanian atau institusi lain.

Katanya, jumlah itu tidak termasuk antara 30,000 hingga 40,000 pelajar sekolah menengah yang tercicir sebelum sampai ke Tingkatan Lima.

"Remaja ini akan mendapat gaji lebih tinggi jika mereka meluangkan masa beberapa bulan untuk mendapat kemahiran di Pusat Giat MARA, IKM atau kolej komuniti sebelum memohon pekerjaan," katanya.

Kementerian nilai standard, pantau kualiti pembelajaran

PENGENALAN program baru di peringkat sekolah menerusi penubuhan kolej vokasional (KV) akan menimbulkan isu pengiktirafan terutama selepas peserta menamatkan latihan dan memasuki pasaran pekerjaan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu meneliti tahap kelayakan untuk membolehkan pemegang diploma KV yang dikatakan setara dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 4 memasuki tangga gaji tertentu.

Sektor swasta yang menjadi majikan kepada sebahagian besar lulusan KV akan melihat tahap kemahiran sebenar bakal pekerja sebelum mengambil pekerja baru dan membayar gaji yang sepadan.

Timbul juga persoalan jika lulusan diploma KV yang merujuk kepada SKM 4 itu ingin meneruskan latihan ke peringkat lebih tinggi, iaitu diploma lanjutan dan institusi yang menawarkan program lanjutan seperti politeknik akan mempersoal tahap kurikulum KV, jika benar-benar setara SKM 4 atau diploma.

SKM sudah mendapat pengiktirafan JPA bagi membolehkan graduannya memohon pekerjaan dengan agensi kerajaan.

Mungkin Kementerian Pelajaran perlu menubuhkan jabatan khas yang turut menggabungkan wakil industri dan institusi pendidikan yang bakal menerima lulusan KV untuk menilai standard latihan dan peralatan yang digunakan dalam latihan kolej berkenaan.

Ketua Pengarah Kolej Komuniti, Prof Madya Kamarudin Kasim, berkata langkah Jabatan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pelajaran menganugerahkan diploma kepada lulusan KV bertentangan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Katanya, akta berkenaan menegaskan hanya institusi di bawah tabdir urus Kementerian Pengajian Tinggi boleh menganugerahkan diploma.

"Amalan antarabangsa juga menunjukkan diploma dianugerahkan oleh institusi pendidikan tinggi selepas pelajar mengikuti sekurang-kurangnya 11 tahun pendidikan asas peringkat rendah

atau menengah.

"Saya bimbang pemegang diploma KV nanti diberi harapan kosong kerana mereka akan hampa selepas mengetahui diploma mereka tidak diiktiraf oleh politeknik atau universiti untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Pada peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, sudah ada usaha untuk menilai standard serta memantau kualiti pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) sama ada pada peringkat diploma teknologi atau ijazah sarjana muda teknologi.

Beberapa kementerian yang menawarkan program TEVT kini duduk semeja untuk menubuhkan badan khusus untuk memantau kualiti TEVT dan etika graduan.


Pertubuhan baru yang akan dinamakan Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) itu bakal menentukan hala tuju pembangunan program yang melahirkan teknologi dan menentukan status serta profesionalisme mereka yang bertugas dalam bidang itu.

Presiden Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Prof Datuk Dr Abdul Hakim Juri yang menganggotai jawatankuasa penubuhan MBOT, berkata lembaga itu akan mengawal standard semua sijil, diploma dan ijazah semua institusi TEVT di negara ini.

Beliau berkata, MBOT merujuk kepada standard antarabangsa, iaitu Sydney Accord untuk program tahap ijazah dan Dublin Accord untuk program peringkat diploma.

Katanya, MBOT akan bertanggungjawab untuk membolehkan Malaysia menjadi 'signatory' untuk Sydney Accord dan Dublin Accord bagi memastikan teknologi yang dihasilkan di negara ini diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

"Selepas graduan TEVT kita diiktiraf oleh negara asing, ini bermakna jika syarikat Malaysia melaksana projek di negara lain dan membawa teknologi ke sana, pekerja ini diiktiraf di negara asing seperti mereka mengiktiraf pekerja yang dihasilkan oleh institusi negara mereka sendiri," katanya.



MOHAMAD NORAZAM dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka menunjukkan kemahirannya memasang enjin.



Pelajar TEVT kini bukan saja boleh meneruskan pengajian ke peringkat diploma dan ijazah sarjana muda, bahkan ke peringkat lebih tinggi

Abdul Hakim Juri
Presiden UniKL